

30 AUG 2000

Fokus-Ekonomi

KEMAJUAN EKONOMI UBAH WAJAH NEGARA DAN RAKYAT

Oleh: Rosliwaty Ramly

KUALA LUMPUR: Bayangkan 43 tahun yang lalu ...seseorang hanya dapat mengimpi-impikan untuk memiliki sebuah kereta. Berbelanja untuk melancong ke luar negeri adalah jauh sama sekali.

Sekadar memiliki sebuah rumah untuk berteduh dan sebuah basikal untuk kemudahan bergerak memang sudah mencukupi, sementara mendapat bekalan air dan elektrik merupakan satu nikmat.

Namun sepanjang tempoh 43 tahun, bermacam-macam perubahan merubah dan mewarnai kehidupan rakyat. Ada yang masih ingat. Ada juga yang sengaja melupakan serta langsung tidak menghargai segala kesengsaraan yang ditempuhi rakyat dan negara dalam usaha untuk mencapai apa yang ada kini.

Tidak dinafikan, banyak perubahan dan kemajuan dinamik dicapai sejak negara bebas daripada belunggu penjajah hingga kita tidak perlu meneliti Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 atau Belanjawan Negara 2000 untuk mendedahkan senario ekonomi negara.

KUALITI HIDUP

Hakikatnya laporan itu menyebut indeks kualiti hidup di negara ini bagi tempoh 1980-1998 secara keseluruhannya meningkat daripada 86.2 mata kepada 105.7 mata.

Peningkatan ini dicapai menerusi bidang kesihatan, pendapatan dan pengagihan, pendidikan, pengangkutan dan komunikasi, perumahan, kehidupan berkeluarga, penyertaan sosial dan persekitaran kerja.

Pembentangan semula Belanjawan Negara 2000 Februari lepas juga memperlihatkan semua pemberian yang dijanjikan sebelum pilihanraya umum November 1999 dikekalkan.

Ia dilaksanakan setelah mengambil kira pemulihan ekonomi negara yang semakin membanggakan setelah mengalami kegawatan Julai 1997.

Strategi Belanjawan ini adalah sejajar dengan dasar makroekonomi pragmatik yang menekankan kepada rangsangan fiskal serta penyediaan persekitaran bersesuaian bagi mencergaskan semula sektor swasta.

Belanjawan juga mengandungi strategi untuk memapankan pertumbuhan, menjamin pengagihan yang lebih seimbang dan menjamin pembangunan insan sepenuhnya.

Tidak hairanlah, golongan pelajar, pesara, petani dan kakitangan awam turut meraih faedah daripada Belanjawan 2000. Misalnya, alaf baru memberi sinar harapan kepada seramai 400,000 pesara yang menerima pelarasan pencen 10 peratus. Terbukti, kepentingan kakitangan kerajaan dan pesara tidak pernah dipinggirkan kerajaan.

DAGANGAN LUAR NEGARA CATAT LEBIHAN

Turut menyinari dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara ialah perdagangan luar negara yang terus mencatat lebihan. Sepanjang 1999, lebihan dagangan berjumlah RM72.3 bilion iaitu jumlah terbesar pernah dicatatkan.

Bertunjangkan asas-asas ekonomi yang kukuh serta senario ekonomi luaran dan dalaman yang menggalakkan turut memantapkan keyakinan para pelabur terhadap ekonomi negara.

Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) juga pulih setelah ia mencatat beberapa siri keuntungan. Pada 17 Januari lepas, para pelabur tempatan dapat bernafas lega setelah petunjuk BSKL, Indeks Komposit (IK) mencecah paras 953.42 mata buat pertama kalinya dalam tempoh lebih dua tahun.

Dan ini menepati keyakinan yang pernah disuarakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa paras 900 mata itu akan dicapai dalam sedikit masa.

Kebijaksanaan negara dalam menangani masalah hutang tidak berbayar dan meningkatkan suntikan modal ke dalam sistem perbankan membuktikan sektor kewangan dan korporat semakin teguh.

Dasar proaktif yang diperkenalkan kerajaan bukan sahaja menjadikan negara sebagai salah satu kuasa ekonomi baru di Asia Tenggara malah mampu memberi saingan sihat kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

Turut menyumbang kepada kejayaan ekonomi negara ialah keyakinan negara kepada pasaran bebas dan strategi pengurusan ekonomi berada pada landasan yang betul.

MELEPASI LANDASAN PEMULIHAN

Petanda bahawa Malaysia sudah melepasi landasan pemulihan dibuktikan melalui petunjuk-petunjuk ekonomi yang ada setakat ini.

Menurut penganalisis dan pemerhati ekonomi dunia, berbekalkan strategi dan perancangan yang diiktiraf, ekonomi Malaysia turut memainkan peranan berkesan sebagai pembentuk sosiobudaya yang cemerlang.

Sekali lagi, sanjungan harus dikalungkan kepada Dr Mahathir, yang mengendali negara keluar dari kemelut ekonomi dan menolak pelawaan bantuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Ketegasan dan keberanian beliau mengenakan kawalan modal terpilih dan menetapkan kadar tetap US\$1 kepada RM3.80 bagi melindungi negara dari spekulator matawang, mencetuskan kritikan hebat media dan penganalisis ekonomi luar.

K-EKONOMI

Selain itu, pengumuman Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan atau K-Ekonomi disambut baik memandangkan pemilikan ekonomi berasaskan pengetahuan merupakan aset penting yang perlu ada di kalangan warga Malaysia.

Setelah berada di alaf baru, pelbagai cabaran hebat pasti ditempuhi sejajar dengan kerancangan proses globalisasi dan liberalisasi serta perkembangan teknologi maklumat yang ajaib menjadikan dunia tanpa sempadan.

Dalam konteks ini, warga Malaysia tiada pilihan tetapi harus menguasai dan memanfaatkan ledakan kecanggihan teknologi maklumat yang kian ketara kini.

Ini memandangkan teknologi maklumat dan komunikasi serta perdagangan elektronik atau lebih dikenali dengan e-dagang memainkan peranan penting dalam mencorakkan gaya hidup rakyat pada dekad yang mendatang.

Kegagalan menguasai bidang teknologi maklumat akan mengakibatkan negara dan rakyat tersisih daripada arus pemodenan dunia.

Usaha pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) disifatkan sebagai pelaburan masa depan kepada rakyat untuk menguasai bidang teknologi maklumat serta pelbagai pengetahuan yang lain.

Bagaimanapun segala kecanggihan yang ditawarkan MSC tidak memberi apa-apa makna tanpa penglibatan menyeluruh daripada rakyat.

Kini, walaupun Malaysia mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan, namun komitmen yang padu dan dasar komprehensif ke arah pemulihan sepenuhnya wajar dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan keadaan ekonomi pulih seperti sediakala.

Perlu ada keseimbangan antara keperluan pertumbuhan ekonomi dengan kesejahteraan dan kemakmuran seluruh rakyat negara ini.

Yang pasti pemimpin negara harus sentiasa mengorak langkah dengan bijak dan bergerak pantas bagi memantapkan ketahanan dan daya saing negara dalam menghadapi cabaran ini.

SIKAP PANDANG RINGAN

Melihatkan senario yang ada kini, seseorang pasti tertanya bagaimana rakyat Malaysia menilai segala pencapaian dan kemajuan yang dicapai -- adakah seseorang itu menghargainya atau sekadar memandang ringan.

Jika tidak, bagaimana seseorang harus menjelaskan mengenai kata-kata akhir Duta Oman ke Malaysia, Salim M.Al Wahaibi, minggu lepas.

"Bersyukur dan berterima kasih, terutama sekali apabila perayaan Hari Kemerdekaan menjelang tiba," ujar beliau yang tamat tempoh perkhidmatannya setelah berada di negara ini selama enam tahun.

Warga negara ini harus berterima kasih kerana mereka dianugerahi dengan pelbagai nikmat -- masyarakat majmuk yang hidup aman, keindahan alam, kerajaan stabil dan ekonomi yang berkembang, katanya.

"Apa lagi yang harus diucapkan..anda (warga Malaysia) mendapat berkat. Anda miliki segala-galanya. Anda bertuah. Anda mengeluarkan kereta sendiri, peralatan elektronik sendiri dan anda boleh memilih dan mengendalikan hidup dengan berbagai cara dan anda semua bahagia," tambah beliau. -- Bernama

RR KGO